



Terma & Syarat – Program Pindahan Baki (BT) Bank Simpanan Nasional (BSN)

1. Ahli Kad mana-mana Kad Kredit/-i BSN (“Ahli Kad”) boleh memohon untuk memindahkan baki belum jelas (termasuk jumlah pokok, keuntungan/faedah terakru, fi, lain-lain caj) daripada akaun kad kredit utama yang dipegang di atas nama mereka dan yang dikeluarkan oleh mana-mana pengeluar kad kredit/caj di Malaysia (“Akaun Kad lain”) kepada mana-mana akaun kad kredit utama BSN yang dipegang oleh Ahli Kad (“Akaun Kad”) di mana BSN akan membayar Baki Belum Jelas atau mana-mana bahagian daripadanya dengan mendebitkan Akaun Kad Ahli Kad tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini.
2. Program Pindahan Baki BSN ("Program BT") oleh Bank Simpanan Nasional ("BSN") ditawarkan kepada Ahli Kad Utama sahaja.
3. Program BT ini terbuka hanya kepada Ahli Kad Utama kad-kad kredit yang dikeluarkan oleh Institusi Kewangan Malaysia yang dibil dalam Ringgit Malaysia (RM). Tiada akaun tambahan akan dibuka secara berasingan kepada Ahli Kad bagi tujuan Pemindahan Baki, ini bermakna jumlah had kemudahan sedia ada yang telah diluluskan akan dikongsi bersama dengan Pemindahan Baki dan juga semua kad tambahan yang dikeluarkan. Program BT ini bukan peningkatan had kemudahan dan ia hanya digunakan untuk pemindahan baki dari pengeluar kad yang lain.
4. Jumlah minimum pindahan baki dan caj pindahan baki untuk Program BT adalah tertakluk kepada pelan yang dipilih oleh Ahli Kad. Setelah tamat Tempoh Program BT, Kadar Keuntungan/Faedah semasa seperti yang dinyatakan di bawah Perjanjian Ahli Kad yang dikira atas dasar harian akan dikenakan sehingga tarikh pembayaran dibuat sepenuhnya.
5. Pelan Pindahan Baki yang ditawarkan:-

Pelan	Tempoh	Kadar Keuntungan / Faedah (Setiap Tahun)	Kadar Keuntungan / Faedah (Sekali Caj)	Akaun Pindahan Minima (RM)	Langganan Perlindungan Kredit
BA	6 Bulan	-	1.99%	RM 500	Pilihan
BB	12 Bulan	-	3.99%	RM 500	
BC	24 Bulan	3.99%	-	RM1,000	
BD	36 Bulan	3.99%	-	RM2,000	
BE	48 Bulan	4.99%	-	RM3,000	

6. Kadar di atas adalah sah bagi permohonan baru bermula 1 Oktober 2022 sahaja. Bagi pelanggan sedia ada yang telah melanggan sebelum tarikh ini, kadar adalah sama seperti kadar yang diluluskan semasa permohonan.
7. Ahli Kad dibenarkan membuat Pindahan Baki maksimum sehingga 80% daripada baki had kemudahan yang sedia ada. Akaun Kad Kredit BSN Ahli Kad mestilah mempunyai had kemudahan yang mencukupi untuk jumlah yang dipindahkan. Apabila jumlah pindahan baki telah diluluskan oleh BSN, jumlah sama dalam kemudahan kredit sedia ada Ahli Kad akan diperuntukkan untuk tujuan ini dan tidak boleh digunakan oleh Ahli Kad sehingga Baki Belum Jelas tersebut dilunaskan. BSN mempunyai hak mutlak tanpa sebarang liabiliti untuk menggantung, menolak atau menamatkan Program BT ini dengan memberi notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari lebih awal kepada Ahli Kad sebelum penggantungan, penolakan atau penamatan.
8. Jumlah ansuran bulanan dikira berdasarkan jumlah Kadar Keuntungan/Faedah yang dikenakan bersama jumlah keseluruhan pindahan. Kadar keuntungan/Faedah (Sekali Caj) untuk Pelan BA dan Pelan BB akan dikenakan terus ke dalam akaun Ahli Kad pada tarikh penyata yang terdekat selepas kelulusan permohonan Program BT oleh Bank, dan caj tersebut tidak akan dikembalikan walaupun berlaku penyelesaian awal atau pembatalan Program BT.
9. Bagi pelan BA dan BB, Ahli Kad hendaklah membayar Ansuran Bulanan BT berserta Kadar Keuntungan/Faedah (Sekali Caj) pada ansuran bulan pertama dan selepas itu, Ahli Kad hanya perlu membayar Ansuran Bulanan BT bagi bulan-bulan berikutnya. Ansuran bulan pertama mungkin lebih tinggi sedikit berbanding bulan-bulan berikutnya kerana pelarasan pembundaran.
10. Bagi pelan BC, BD, dan BE, Ansuran Bulanan ECP dikira sebagai Jumlah BT ditambah Kadar Keuntungan/Faedah (Setahun) yang berkenaan dibahagikan dengan bilangan bulan dalam Tempoh Ansuran BT. Ansuran bulan pertama mungkin lebih tinggi sedikit berbanding bulan-bulan berikutnya kerana pelarasan pembundaran.
11. Kesemua permohonan tertakluk kepada kelulusan BSN dan bergantung kepada Terma dan Syarat yang terkandung disini. BSN mempunyai hak mutlak untuk melulus atau menolak sebarang permohonan dan menentukan jumlah Baki Belum Jelas yang dibenarkan untuk pindahan (“Jumlah Pindahan Baki yang Diluluskan”) mengikut budi bicara mutlaknya tanpa memberi sebarang alasan kepada Ahli Kad.
12. Pemberitahuan akan dihantar kepada Ahli Kad mengenai keputusan permohonan Pindahan Baki. Sekiranya permohonan diluluskan, pembayaran baki pindahan kepada pihak Bank/Institusi Kewangan lain akan mengambil masa lebih kurang sepuluh (10) hari dari tarikh permohonan Pindahan Baki diluluskan.
13. Walau apa pun Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini dan sehingga pemberitahuan kelulusan yang dirujuk dalam Klausula 10 diterima, Ahli Kad hendaklah tetap bertanggungjawab untuk membuat bayaran kepada Akaun Kad lain mengikut terma yang berkuatkuasa ke atasnya.

14. Dalam melaksanakan Program BT ini, BSN tidak bertanggungjawab terhadap Ahli Kad atas sebarang Kadar Keuntungan/Faedah atau sebarang caj kewangan lain yang ditanggung oleh Ahli Kad berhubung dengan Akaun Kad lain yang disebabkan oleh kelewatan atau kegagalan pihak BSN untuk membayar Baki Belum Jelas.
15. Semasa tempoh Program BT, Ahli Kad perlu membayar jumlah ansuran bulanan secara penuh sebelum tarikh akhir pembayaran, di mana jumlah ansuran bulanan akan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit Ahli Kad. Terma pembayaran ini hendaklah dipatuhi sepanjang tempoh pelan Program BT yang dipilih oleh Ahli Kad. Sekiranya Ahli Kad gagal membayar ansuran bulanan secara penuh, Kadar Keuntungan/Faedah biasa sebanyak 11% - 17.5% setahun akan dikenakan ke atas baki ansuran bermula daripada tarikh akhir pembayaran sehingga ansuran tersebut dilunaskan sepenuhnya. Jika Ahli Kad gagal membayar ansuran penuh selama dua (2) bulan berturut-turut, ansuran Pindahan Baki akan ditamatkan secara automatik.
16. Ahli Kad boleh membatalkan penyertaan dalam Program Pindahan Baki atau memilih untuk menyelesaikan Amaun Pindahan Baki pada bila-bila masa dengan memaklumkan kepada pihak BSN. Sekiranya berlaku pembatalan atau penamatan awal, atau Ahli Kad membatalkan kad, Ahli Kad hendaklah membayar jumlah prinsipal tertunggak di bawah Pindahan Baki dan bagi Pelan BC, BD, dan BE Ahli Kad juga hendaklah membayar satu (1) bulan Kadar Keuntungan/Faedah yang perlu dibayar.
17. Ahli Kad tidak layak menerima sebarang Mata Ganjaran BSN berhubung dengan penyertaan dalam Program BT ini.
18. Ahli Kad yang akaunnya dengan BSN dipercayai beroperasi secara penipuan, atau telah dinyahaktifkan, digantung, ditutup, dibatalkan, tertunggak, atau Ahli Kad yang telah melanggar mana-mana perjanjian mereka dengan BSN adalah tidak layak untuk memohon Program BT.
19. Ahli Kad boleh pada bila-bila masa selepas kelulusan permohonan, membatalkan Program BT dengan memberi notis bertulis kepada Bank atau melalui kaedah lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Setelah Program BT dibatalkan, keseluruhan jumlah tertunggak Program BT menjadi serta-merta kena dibayar kepada Bank. Semua jumlah tertunggak tersebut akan dipaparkan dalam penyata bulanan Akaun Ahli Kad, dan Ahli Kad hendaklah membayarnya mengikut peruntukan Perjanjian Ahli Kad, kegagalan mana-mana pembayaran memberi hak kepada Bank untuk melaksanakan remedi di bawah Perjanjian Ahli Kad.
20. Setiap keadaan berikut akan membentuk suatu kejadian ingkar, di mana dengan berlakunya keadaan tersebut, semua caj tertunggak dan/atau ansuran bulanan dan/atau semua wang yang kena dibayar serta-merta menjadi tertunggak dan kena dibayar oleh Ahli Kad, tanpa menjejaskan hak Bank untuk menuntut pembayaran penuh atau sebahagian daripadanya. Bank berhak melaksanakan remedi di bawah Perjanjian Ahli Kad:-
 - a) Jika Ahli Kad ingkar terhadap mana-mana obligasi yang dinyatakan di sini atau di bawah Perjanjian Ahli Kad;

- b) Jika kegagalan berlaku dalam pembayaran Ansuran Bulanan atau sebarang amaun lain yang kena dibayar di bawah ini atau Akaun Ahli Kad;
- c) Jika Program BT ditamatkan;
- d) Jika Terma dan Syarat ini atau sebahagiannya pada bila-bila masa tidak lagi berkuat kuasa atau sah atau diisytiharkan terbatal, ditolak atau tidak dapat dilaksanakan;
- e) Jika menjadi mustahil atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk meneruskan penyediaan Program BT kepada Ahli Kad;
- f) Jika berlaku apa-apa keadaan yang pada pandangan Bank menyebabkan Bank tidak dapat meneruskan penyediaan Program BT kepada Ahli Kad;
- g) Jika Kad dibatalkan atau Akaun Ahli Kad ditamatkan.

Terma dan Syarat lain

21. BSN berhak untuk mengubah, menukar, meminda, membatalkan atau membuat tambahan kepada Terma dan Syarat di dalam ini dari masa ke masa dengan memberi notis kepada Ahli Kad sekurang-kurangnya dua puluh (21) hari sebelum pindaan tersebut dibuat dan ia akan berkuatkuasa pada tarikh yang dipilih oleh BSN. Dengan ikhsan BSN, notis mengenai tambahan atau modifikasi atau pengubalan akan dimaklumkan melalui:-

- a) Paparan notis yang sama di premis Bank atau di pejabat cawangannya atau menghantar notis tersebut kepada Ahli Kad; atau
- b) Dengan menghantar notis yang sama melalui khidmat pesanan ringkas atau mel elektronik kepada Ahli Kad atau dengan mempamerkan notis yang sama di laman sesawang BSN.

Sebarang pindaan dan perubahan tersebut adalah sah dan mengikat Ahli Kad. Sebarang pertikaian yang timbul berikutan Terma dan Syarat ini, keputusan BSN adalah muktamad, mengikat dan konklusif.

- 22. Bank berhak untuk mendebitkan secara automatik semua atau mana-mana jumlah BT tertunggak ke dalam Akaun Ahli Kad sekiranya Ahli Kad memohon untuk menamatkan penggunaan kad atau jika Bank menutup Akaun Ahli Kad atas sebarang sebab.
- 23. Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar semua fi dan caj yang dikenakan ke atas Kad dan tertakluk kepada sebarang cukai yang dikenakan atau akan dikenakan oleh Kerajaan Malaysia atau pihak berkuasa berwajib lain di Malaysia mengikut kadar semasa.
- 24. Ahli Kad hendaklah menanggung sepenuhnya segala liabiliti dan tanggungjawab sekiranya berlaku sebarang liabiliti, kemalangan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kejadian (termasuk kematian) yang berpunca daripada penyertaan mereka dalam Program BT ini.
- 25. BSN tidak bertanggungjawab ke atas masalah teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada membuat permohonan dalam Program BT ini.
- 26. Sekiranya berlaku sebarang perubahan pada nombor Akaun Ahli Kad, Program BT akan didebitkan secara automatik kepada akaun kad kredit baharu yang dikeluarkan di bawah prosedur "penukaran", "kad hilang" atau "penipuan".

27. Dalam apa jua keadaan, BSN tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad bagi sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa had kehilangan pendapatan, keuntungan, nama baik, peluang perniagaan atau kerugian langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) sama ada kepada pihak Ahli Kad atau pihak ketiga, bagaimana sekalipun ia berlaku, sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berhubung dengan Program BT.
28. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang ditanggung oleh Ahli Kad secara langsung atau tidak langsung akibat daripada penyertaan Ahli Kad dalam Program BT ini. Tambahan lagi, BSN tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kegagalan memenuhi obligasi di bawah Program BT disebabkan oleh kejadian force majeure termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik atau epidemik, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, kekecohan awam, tindakan penganas, sekatan, kebakaran, banjir, ribut, kemalangan, kerosakan mesin, kegagalan sistem pemprosesan data atau telekomunikasi atau elektrik, atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.
29. Dengan menyertai Program BT ini, Ahli Kad bersetuju:-
- a) Untuk membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat di bawah Perjanjian Ahli Kad BSN Kad Kredit/-i dan/atau mana-mana terma lain yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk sebarang pindaan ke atasnya;
 - b) Untuk melayari laman sesawang BSN di www.bsn.com.my secara berkala bagi memastikan maklumat terkini berhubung dengan sebarang perubahan pada Terma dan Syarat ini; dan
 - c) Semua keputusan BSN berhubung Program BT ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Ahli Kad. Sebarang rayuan atau surat-menyurat lanjut tidak akan dilayan.
30. BSN berhak:-
- a) Untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Program BT sekiranya ia tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang, terganggu secara teknikal atau diganggu gugat termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan virus komputer, penipuan, campur tangan tanpa kebenaran, kegagalan teknikal, atau sebarang sebab di luar kawalan BSN walaupun dengan usaha terbaik BSN;
 - b) Untuk membatalkan kelayakan mana-mana Ahli Kad yang didapati atau disyaki mengganggu proses Program BT, operasi Program BT atau melanggar Terma dan Syarat Program BT ini; dan
 - c) Untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang dipercayai menjalankan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudaratkan Program BT.
31. Ahli Kad bersetuju dan memberi kebenaran bahawa butiran peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada Data Peribadi boleh dikumpul, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, jika ada, untuk tujuan Program BT ini selaras dengan Polisi Privasi BSN yang boleh dilihat di laman sesawang BSN.
32. Ahli Kad berhak pada bila-bila masa untuk:-
- a) Menarik balik kebenaran penggunaan Data Peribadi;
 - b) Memohon pembetulan/kemas kini Data Peribadi; dan
 - c) Mengemukakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan

menghubungi BSN.

33. Terma dan Syarat ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat di bawah Perjanjian Ahli Kad BSN Kad Kredit/-i dan Ahli Kad bersetuju bahawa Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama Perjanjian Ahli Kad BSN Kad Kredit/-i. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian Ahli Kad BSN Kad Kredit/-i, Terma dan Syarat ini akan mengatasi setakat mana ia terpakai kepada Program BT.
34. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan sebarang iklan, promosi atau bahan publisiti lain yang berkaitan dengan Program BT, Terma dan Syarat ini akan mengatasi. Sebarang perkara berhubung Program BT yang tidak diliputi di dalam Terma dan Syarat ini akan ditentukan sepenuhnya oleh BSN mengikut budi bicaranya.
35. BSN tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang salah tafsir fakta oleh Ahli Kad berhubung dengan Kadar Keuntungan/Faedah yang ditawarkan dan disiarkan di laman media sosial rasmi, bahan pemasaran atau bahan iklan Bank.
36. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
37. Ungkapan yang ditakrifkan di dalam ini, melainkan mempunyai maksud berbeza berdasarkan konteksnya, mempunyai maksud yang sama seperti yang dianggap dalam Perjanjian Ahli Kad yang dirujuk dalam Klausula 31 di atas.

(Versi : 102025)